

PROGRAM LATIHAN ANGGOTA SAINS KESIHATAN BERSEKUTU

DIPLOMA RADIOGRAFI / RADIOTERAPI

Kod Skim Latihan (2970)

Juru X-ray adalah ahli pasukan perubatan professional yang menggunakan sinaran untuk tujuan pengesanan kehadiran penyakit atau rawatan.

Penggunaan sinar X dengan tujuan mengesan kehadiran penyakit dikenali Pengimejan Diagnostik (Radiografi). Juru X-ray yang bertugas dalam bidang ini dikenali **Juru X-Ray (Diagnostik)**.

Penggunaan sinar X (bertenaga tinggi) dan sinar gama untuk memusnahkan sel-sel kanser dikenali Radioterapi. Juru X-ray yang bertugas dalam bidang ini dikenali **Juru X-Ray (Terapi)**.

DESKRIPSI TUGAS

- **Juru X-ray Pengimejan Diagnostik**
 - Menghasilkan imej yang berkualiti bagi membantu pakar radiologi dalam pengesanan penyakit;
 - Mengendalikan pemeriksaan :
 - Pengimejan Resonan Magnet (MRI)
 - Ultrasonografi (US)
 - Pengimejan Radionuklid (NM)
 - Tomografi Berkomputer (CT)
 - Angiografi
 - Pengimejan Digital;
 - Melakukan prosedur pengimejan di dewan bedah, wad-wad, unit forensik, pusat kesihatan dan Jabatan Traumatologi dan Kecemasan;
 - Memberi jagaan berkualiti kepada pesakit;
 - Mengamalkan perlindungan sinaran;
 - Melaksanakan program kepastian kualiti (QA).



- **Juru X-ray Radioterapi**

- o Melakukan perancangan rawatan pancaran;
- o Memberi rawatan pancaran;
- o Menjaga keselamatan pesakit;
- o Menjaga kesihatan umum pesakit;
- o Menggunakan, mengendalikan serta menjaga kelengkapan dan peralatan radioterapi;
- o Memberi pendidikan kesihatan dan pengurusan rawatan kanser.

**KURIKULUM LATIHAN JURU X-RAY
(Pengimejan Diagnostik & Radioterapi)**

Tempoh Latihan: 3 tahun (6 semester) meliputi subjek seperti berikut :-

- Anatomi dan Fisiologi
- Patologi
- Fizik Am
- Fizik Sinaran dan Perlindungan Sinaran
- Sains Perilaku
- Instrumentasi (Pengimejan / Radioterapi)
- Prinsip Pengimejan / Radioterapi
- Teknik Pengimejan / Radioterapi & Teknik Radioterapi
- Kajian Imej / Fizik Radioterapi

KEUTAMAAN PEMILIHAN

Kursus Diploma Juru X-ray - Kod Skim Latihan (2970).

- Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang lulus dengan kredit di dalam matapelajaran berikut di peringkat Sijil Pelajaran Malaysian (Matematik, Fizik, Sains Tambahan, Biologi Manusia & Kemanusiaan, Rampaian Sains, Bahasa Inggeris dan Kimia).
- Mempunyai kesihatan fizikal dan mental yang baik serta tidak mengalami kecacatan yang boleh menyebabkan calon-calon tidak sesuai menjalankan tugas selepas tamat latihan.

